

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Apakah status terkini cadangan pembinaan pusat penjaja dan dewan serbaguna di atas tanah Lot 9117, Sungai Dua Mukim 13, Daerah Timur Laut Jalan Sungai Dua?
- (a) Adakah proses rundingan dengan pihak pemaju Syarikat Hamna Sdn. Bhd. masih diteruskan dan sudah dimuktamadkan keputusannya?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Pembangunan di atas Lot 9117 dan Lot 20113, Mukim 13, Daerah Timur Laut masih akan diteruskan. Kerajaan Negeri masih berunding dengan pihak Hamna Sdn. Bhd. bagi cadangan pemajuan perumahan mampu milik (dengan kemudahan dewan serbaguna dan unit komersial) di atas dua (2) lot tanah tersebut. Walau bagaimanapun, ianya masih belum dimuktamadkan.